

Tumpu inovasi: PM

Penjenamaan dan kepemimpinan ciri penting untuk bersaing

Oleh Misiah Taib

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kerajaan akan berusaha memastikan semua idea bernas yang dikemukakan oleh rakyat Malaysia mendapat sokongan sewajarnya untuk dibangunkan.

Perdana Menteri berkata, usaha itu penting kerana langkah berkenaan dapat membantu menggalakkan inovasi di kalangan rakyat, seterusnya menyumbang kepada pembangunan modal insan di negara ini.

"Saya mahu melihat satu keadaan yang membolehkan sesiapa saja yang mempunyai sebarang idea didengar manakala idea bernas yang diketengahkan, mendapat sokongan sumber sewajarnya untuk dibangunkan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Forum Kepemimpinan Global di sini semalam. Forum dua hari itu dianjurkan Foundation for the Future, sebuah badan pemikir antarabangsa dan Yayasan

Kepimpinan Perdana.

Antara tokoh terkemuka yang berucap pada majlis itu ialah bekas Ketua Pakar Ekonomi Bank Dunia, Joseph Stiglitz; bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan manusia pertama ke bulan, Neil Armstrong.

Turut dijadual berucap ialah pemenang pertama siri televisyen *The Apprentice*, Bill Rancic; pengarang *Sun Tzu's Art of War*, Ching Ning Chu; Pengerusi British Telecom, Sir Christopher Bland dan Menteri Luar Singapura, George Yeo.

Perdana Menteri berkata, inovasi, penjenamaan dan kepemimpinan adalah tiga ciri penting yang perlu ada bagi sesebuah negara seperti Malaysia untuk berdepan dunia yang penuh persaingan.

Tiga tema itu kata Abdullah, adalah lambang kepada tuntutan yang perlu dipenuhi oleh Malaysia dan setiap negara membangun lain yang bercita-cita untuk berjaya dalam era yang penuh cabaran.

Abdullah berkata, soal pentingnya

inovasi sering diberi tumpuan khususnya terhadap negara yang melangkah daripada kegiatan berasaskan tenaga buruh kepada kegiatan berasaskan teknologi.

Bagaimanapun, katanya, tanpa pengiktirafan dan keyakinan anta-

Asas kepada inovasi ini ialah kreativiti manusia. Modal insan adalah satu-satunya sumber inovasi dan kelebihan jangka panjang yang dimiliki oleh sesebuah negara"

*Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri*

rabangsa, permintaan untuk apa juga produk inovasi akan menjadi terhad dan inovasi ataupun penjenamaan juga tidak akan berjaya tanpa kepemimpinan menyediakan wawasan serta daya gerak.

Katanya, persoalan mengenai inovasi melangkaui pendidikan, kerana ia membabitkan nilai, sikap, pemikiran dan budaya.

Sehubungan itu Abdullah berkata, satu daripada wawasannya ialah untuk berusaha menghapuskan kebimbangan atau perasaan takut gagal dan dikritik serta menyokong pemikiran yang kreatif.

"Kebimbangan untuk gagal dalam mencuba sesuatu yang baru adalah isu budaya. Kebimbangan ini mengekang inovasi di semua peringkat, di bilik darjah, di tempat kerja, di Universiti dan di agensi kerajaan," katanya.

Bagaimanapun Perdana Menteri berkata, usaha menyemai sikap sedemikian di kalangan masyarakat di negara ini hanya dapat dilakukan secara berperingkat dan bukannya sekelip mata.